



KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

PERLUAS INISIATIF, JADIKAN AMALAN KITAR SEMULA BUDAYA MASYARAKAT

PUCHONG, 28 JULAI 2024 (AHAD) - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang (MPS) telah menganjurkan Program Karnival Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB): Karnival Komuniti MADANI. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bertempat di Pusat Penjaja Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor.

Menurut YB Datuk Aiman Athirah, penganjuran PKKB bertujuan untuk membolehkan pemimpin menyantuni penduduk bagi mewujudkan hubungan yang lebih akrab antara pemimpin dan komuniti setempat di samping berusaha untuk mewujudkan komuniti yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Beliau memaklumkan pembudayaan amalan kitar semula di Selangor adalah langkah penting untuk menggalakkan kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam usaha pemuliharaan alam sekitar. Amalan 3R perlu dititikberatkan oleh setiap lapisan masyarakat kerana **menguruskan sisa pepejal bukanlah tugas agensi kerajaan semata-mata tetapi ia merupakan kewajipan rakyat** supaya bumi terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Mengenai **inisiatif SWCorp dalam memperkasa budaya 3R** antara yang dilaksanakan termasuk memperkenalkan **Pusat Kitar Semula Pandu Lalu dan (DTRC)**. Inisiatif penyediaan DTRC adalah **seiring dengan hala tuju Dasar Kebersihan Negara** untuk

memudahkan masyarakat menghantar barangan kitar semula yang telah diasingkan seterusnya menggalakkan orang ramai membudayakan amalan kitar semula bagi menyumbang kepada peningkatan kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 40% menjelang 2025.

Katanya lagi, antara **inisiatif lain adalah Program Trash to Cash** bertujuan menyemarakkan aktiviti kitar semula dan menyelamatkan sisa yang boleh dikitar semula daripada terus dibuang ke tapak pelupusan di samping memberi pulangan atau pendapatan tambahan kepada individu atau komuniti yang melaksanakannya.

Selain itu, SWCorp juga melaksanakan **Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran, Program Komuniti Sifar Sisa (KOSIS), Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah (PerKISS), Pertandingan Reka Bentuk From Waste to Wealth Innovation (WAWI), World Cleanup Day, Sukarelawan Hero Kebersihan serta Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Sisa Pepejal Di Sektor Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian (STAR-CII).**

YB Datuk Aiman Athirah menekankan bahawa **program dan inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan memberi tumpuan untuk mengubah stigma masyarakat bahawa sampah itu berharga kerana ia bukan sahaja boleh mengelakkan pembaziran sumber alam semula jadi, malah ia juga boleh menjana sumber pendapatan.** Amalan kitar semula ini juga dapat menyelamatkan alam sekitar kerana bahan terbuang dikitar semula, sekali gus pencemaran dikurangkan. Maka, program seperti di atas **harus disebar luas dan digalakkan supaya menjadi budaya dalam masyarakat.**

Selain itu, beliau turut menambah **fokus utama KPKT menerusi pelaksanaan PKKB pada hari ini adalah untuk mencapai sasaran 40% sisa dilencongkan dari tapak pelupusan bagi mengurangkan penjanaan sisa secara signifikan melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.**

Program Karnival Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB): Karnival Komuniti MADANI berlangsung selama satu hari dengan pelbagai aktiviti menarik bersama komuniti, antara **pengisian utama adalah penyerahan tong 20L sebanyak 27 unit kepada peniaga makanan** di Pusat Penjaja Taman Putra Perdana. **Inisiatif ini merupakan salah satu**

usaha untuk **menggalakkan pengumpulan minyak masak terpakai dalam kalangan peniaga di samping dapat memberikan pulangan yang setimpal dari hasil penjualan minyak masak terpakai** tersebut. Usaha ini juga secara tidak langsung membantu **menangani isu pembuangan minyak masak terpakai ke tempat yang tidak sepatutnya.**

Turut hadir sama menjayakan program ini adalah YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp dan YBhg. Dato' Haji Abd. Hamid bin Hussain, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Sepang.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 28 Julai 2024

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Sumatra a/p Appavoo

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

e-mel: sumatra@swcorp.my